



قجابت قغار تانه دان كالين ملاي

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA

Aras 1-2, Wisma Negeri
Jalan Wisma Negeri
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka
Laman Web : <http://ptg.melaka.gov.my>

Talian Utama	: 06-333 3333
Pengarah Tanah & Galian	: 5001
Kaunter Informasi (Am)	: 5048
Khidmat Pengurusan	: 5031 / 5032
Perundangan	: 5031
Pembangunan	: 5039
Penguatkuasa	: 5040
Hasil	: 5041
Pendaftaran	: 5042 / 5055
Strata	: 5047
MMKN/Dewan	: 5034
Teknologi Maklumat	: 5052
No. Faks (Am)	: 06-232 5802
No. Faks (Pembangunan)	: 06-232 6697
No. Faks (Hasil)	: 06-232 0250

Ruj. Fail : PTG(M).UPT (R).604/23/1()
Tarikh : 29 September 2025

Senarai edaran Jabatan / Agensi seperti di **Lampiran I**.

YBhg. Datuk / Tuan,

EDARAN PEKELILING PEMBANGUNAN TANAH NEGERI MELAKA:

PEKELILING PEMBANGUNAN TANAH NEGERI MELAKA BIL.1/2025 – GARIS PANDUAN DAN TATACARA PERMOHONAN PERMIT KHAS TANAH KATEGORI BANGUNAN DAN PERINDUSTRIAN DI NEGERI MELAKA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka MMKN.P.15.12A/26/2025 yang bersidang pada 11 September 2025 dan disahkan pada 18 September 2025 telah bersetuju meluluskan pemakaian Pekeliling Pembangunan Tanah Negeri Melaka Bil.1/2025 berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025**. Pekeliling ini turut terpakai bagi permohonan yang diterima dan didaftarkan sebelum kuat kuasa tarikh surat edaran ini.

3. Kerjasama YBhg. Datuk / Tuan untuk melaksanakan pemakaian pekeling berkenaan di pentadbiran masing-masing amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK NORAINI BINTI TAWEL)
Pengarah Tanah dan Galian
Melaka

s.k. - YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Melaka

- YB Penasihat Undang-Undang Negeri
Melaka



**SENARAI JABATAN / AGENSI BAGI EDARAN PEKELILING PEMBANGUNAN
TANAH NEGERI MELAKA BIL.1/2025**

1. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Melaka.
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Ketua Menteri Melaka
Pejabat Ketua Menteri Melaka

Pentadbiran Tanah Negeri Melaka

3. Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah
Melaka.
4. Pentadbir Tanah Daerah Alor Gajah
Melaka.
5. Pentadbir Tanah Daerah Jasin
Melaka.

Pihak Berkuasa Tempatan

6. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.
7. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah.
8. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin.
9. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

Jabatan/Agensi Teknikal dan Pihak Berkepentingan

10. Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka
11. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
Level 5-7 Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Malawati
53100, Kuala Lumpur

**SENARAI JABATAN / AGENSI BAGI EDARAN PEKELILING PEMBANGUNAN
TANAH NEGERI MELAKA BIL.1/2025**

12. Lembaga Perancang Bandar Malaysia
d/a PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Aras 6, Blok F5, Parcel F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya.
13. Pengerusi
Real Estate and Housing Developers Association Malaysia
(REHDA Melaka), No.52, Jalan Rahmat 1
Taman Malim Jaya, 75250
Melaka.



**KERAJAAN NEGERI
MELAKA**

**PEKELILING PEMBANGUNAN TANAH NEGERI MELAKA BILANGAN 1
TAHUN 2025**

**GARIS PANDUAN DAN TATACARA PERMOHONAN PERMIT KHAS TANAH
(PERMIT KHAS) KATEGORI BANGUNAN DAN PERINDUSTRIAN DI NEGERI
MELAKA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada semua agensi dan pihak yang berkepentingan mengenai Garis Panduan dan Tatacara Permohonan Permit Khas Tanah bagi Kategori Bangunan Dan Perindustrian di Negeri Melaka (selepas ini disebut "Permit Khas").

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling ini merangkumi suatu kaedah berhubung tatacara permohonan, kuasa Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan had tempoh kelulusan bagi Permit Khas dalam kategori Bangunan atau Perindustrian untuk kegunaan selain kategori, syarat atau sekatan kepentingan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka MMKN.P.15 12A/26/2025 yang bersidang pada 11 September 2025 dan disahkan pada 18 September 2025;
- 2.2 Garis panduan dan tatacara penggunaan tanah kategori bangunan atau Perindustrian untuk kegunaan selain daripada kategori tersebut adalah selaras dengan pemakaian Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan

Galian Persekutuan KPTG Bil.2/2023 (Tatacara Penggunaan Tanah Kategori Bangunan dan Industri Bagi Tujuan Selain Kategori Atau Syarat Bangunan Dan Industri); dan

- 2.3 Penentuan suatu kaedah dan garis panduan adalah turut selaras dengan Kaedah-Kaedah Tanah Melaka (Pindaan) (No.1) 2022 subkaedah 11B(1) berhubung penentuan kadar *fi* yang dikenakan bagi kelulusan Permit Khas yang telah diwartakan pada 30 Ogos 2022.

3.0 TATACARA PERMOHONAN

3.1 Syarat-Syarat Am

- i) Permohonan Permit Khas kategori “Bangunan” atau “Perindustrian” adalah disyaratkan hendaklah selaras dengan kelulusan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad (KMTT) atau mana-mana kelulusan pembangunan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172); atau
- ii) Permohonan dibuat oleh mana-mana tuan punya tanah bermilik bagi permohonan Permit Khas berkenaan.

3.2 Tempoh Had Kelulusan

- i) Tempoh Permit Khas hendaklah diselaraskan dengan tempoh kelulusan KMTT dan tertakluk kepada permohonan pembaharuan permit pada setiap tahun serta terhad kepada tidak melebihi 10 tahun; dan
- ii) Permit Khas adalah secara mendatori tertakluk kepada kelulusan KMTT yang masih berkuat kuasa dan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya kelulusan KMTT dibatalkan atau telah tamat tempoh.

3.3 Syarat Kegunaan Tanah Dibenarkan

- i) Aktiviti-aktiviti yang dibenarkan selaras dengan kelulusan KMTT untuk tanah dalam kategori “Bangunan” dan “Perindustrian” adalah tertakluk kepada jadual berikut :

a) Kategori Kegunaan Tanah : **Bangunan**

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIBENARKAN SELAIN SYARAT NYATA TANAH
1.	Bangunan Kediaman	Taman Asuhan Kanak-Kanak (<i>Kindergarten, Nursery, Child Care Centre</i>)
2.		Rumah Penjagaan Orang Tua (<i>Elderly Care Centres</i>)
3.		Pusat Penjagaan Kesihatan Wanita Bersalin (<i>Maternity Care Centre</i>)
4.		Pusat Penjagaan Orang Kurang Upaya (<i>Care Centre for The Disabled</i>)
5.		Rumah Inap Desa (<i>Homestay</i>)
6.		Pusat Tahfiz
7.		Pusat Tuisyen (<i>Tuition Centre</i>)
8.		Pusat Komuniti terhad kepada Pondok Polis, Klinik Kesihatan Kerajaan, Pejabat Pos
9.		Atau mana-mana tujuan kegunaan yang dibenarkan oleh PBN.

b) Kategori Kegunaan Tanah : **Perindustrian**

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIBENARKAN SELAIN SYARAT NYATA TANAH
1.	Perindustrian	Taman Asuhan Kanak-Kanak (<i>Kindergarden, Nursery, Child Care Centre</i>)
2.		Rumah Penjagaan Orang Tua (<i>Elderly Care Centres</i>)
3.		Pusat Penjagaan Kesihatan Wanita Bersalin (<i>Maternity Care Centre</i>)
4.		Pusat Penjagaan Orang Kurang Upaya (<i>Care Center for The Disabled</i>)
5.		Pusat Tahfiz
6.		Pusat Tuisyen (<i>Tuition Centre</i>)
7.		Pusat Komuniti terhadap kepada Pondok Polis, Klinik Kesihatan Kerajaan, Pejabat Pos
8.		Pasar Raya (<i>Supermarket, Hypermarket</i>)
9.		Pusat Sukan (<i>Sport Centre</i>)
10.		Atau mana-mana tujuan kegunaan yang dibenarkan oleh PBN.

ii) Permit Khas “Bangunan” atau “Perindustrian” adalah tertakluk kelulusan KMTT atau mana-mana kelulusan PBN;

iii) Syarat kelulusan di para 3.3 (i) (a) dan (b) adalah tertakluk kepada Bangunan “Kediaman” atau “Perindustrian” sedia ada yang telah

siap dibina dan memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance - CCC); dan

- iv) Syarat kelulusan Permit Khas bagi kategori “Bangunan” dan “Perindustrian” **tanah kosong** adalah terhad kepada keluasan tanah **tidak melebihi dua (2) ekar** dan sekiranya melebihi had keluasan yang dibenarkan, permohonan mengubah kategori atau meminda syarat nyata tanah di bawah seksyen 124 atau 124A Akta 828 perlu dikemukakan kepada PBN.

3.4 Kaedah Permohonan

- i) Permohonan Permit Khas oleh tuan punya tanah atau Pemegang Surat Kuasa Wakil (PA) perlu dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) mengikut daerah hakmilik tersebut didaftarkan;
- ii) Permohonan Permit Khas menggunakan **Borang Permohonan Permit Khas Jadual VI** berserta dokumen sokongan seperti berikut :
- a) Permohonan oleh Individu / Syarikat:

KATEGORI	INDIVIDU / SYARIKAT	
BIL.	PERKARA	BIL. SALINAN
1.	Borang Permohonan Permit Khas	2
2.	Resit Bayaran fi Permohonan	1
3.	Carian Rasmi Hakmilik Terkini (Asal) <i>(tidak kurang 3 bulan daripada permohonan)</i>	1
4.	Resit Bayaran Cukai Tanah tahun semasa	1
5.	Pelan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad (KMTT) yang telah diendors oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan	4

KATEGORI	INDIVIDU / SYARIKAT	
BIL.	PERKARA	BIL. SALINAN
6.	Persetujuan bertulis (<i>Consent</i>) daripada pihak-pihak Berkepentingan ke atas hakmilik	1
7.	Salinan Surat Kuasa Wakil (<i>Power of Attorney</i>) (<i>Jika berkaitan</i>)	1
8.	Borang C1: Kebenaran Merancang Tempoh Tempoh Terhadap	1
9.	Pelembagaan Syarikat (<i>Memorandum and Articles of Association</i>)	1
10.	Borang 24, 49 Akta Syarikat	1
11.	Resolusi Syarikat	1

b) Permohonan oleh Pertubuhan / Koperasi :

KATEGORI	PERTUBUHAN / KOPERASI	
BIL.	PERKARA	BIL. SALINAN
1.	Borang Permohonan Permit Khas	2
2.	Resit Bayaran fi Permohonan	1
3.	Carian Rasmi Hakmilik Terkini (<i>Asal</i>) (<i>tidak kurang 3 bulan daripada permohonan</i>)	1
4.	Resit Bayaran Cukai Tanah tahun semasa	1
5.	Pelan Kebenaran Merancang Tempoh Terhadap (KMTT) yang telah diendors oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan	4
6.	Persetujuan bertulis (<i>Consent</i>) daripada pihak-pihak Berkepentingan ke atas hakmilik	1
7.	Salinan Surat Kuasa Wakil (<i>Power of Attorney</i>)	1
8.	Borang C1 : Kebenaran Merancang Tempoh Tempoh Terhadap	1
9.	Undang-Undang Tubuh	1

KATEGORI	PERTUBUHAN / KOPERASI	
BIL.	PERKARA	BIL. SALINAN
10.	Keputusan Mesyuarat Agung yang membenarkan permohonan tersebut.	1
11.	Borang perlu ditandatangani oleh Pihak-pihak yang dibenarkan dalam Undang-undang Tubuh	1
12.	Senarai Ahli Jawatankuasa Pertubuhan (terkini)	1

- iii) Borang permohonan perlu ditandatangani oleh mereka yang diberi kuasa dan dicop dengan “**Common Seal**” mengikut Undang-Undang Syarikat atau Tubuh.

3.5 ***Fi* Permohonan**

- i) *Fi* permohonan Permit Khas ditetapkan seperti berikut :

BIL.	PERKARA	KADAR FI (RM)
1.	Bangunan atau Perindustrian (Bangunan sedia ada)	RM100.00 per lot
2.	Bangunan atau Perindustrian (Tanah Kosong)	RM200.00 per lot

3.6 **Kadar *Fi* Kelulusan Permit Khas**

- i) Kadar *Fi* kelulusan bagi Permit Khas adalah seperti ditetapkan di bawah Kaedah 11D(1) Kaedah-Kaedah Tanah Melaka (Pindaan) (No.1) 2022 seperti berikut :

a) Kategori : **Bangunan**

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIBENARKAN SELAIN SYARAT NYATA TANAH	KADAR (RM) PER LOT
1.	Bangunan Kediaman	Taman Asuhan Kanak-Kanak (<i>Kindergarden, Nursery, Child Care Center</i>)	RM100.00
2.		Rumah Penjagaan Orang Tua (<i>Elderly Care Centers</i>)	RM100.00
3.		Pusat Penjagaan Kesihatan Wanita Bersalin (<i>Maternity Care Center</i>)	RM100.00
4.		Pusat Penjagaan Orang Kurang Upaya (<i>Care Center for The Disabled</i>)	RM100.00
5.		Rumah Inap Desa (<i>Homestay</i>)	-
		i) Banglo (<i>Bungalow</i>)	RM350.00
		ii) Semi D	RM300.00
		iii) Rumah Teres 2 Tingkat, Kondominium atau Pangsa	RM200.00
		iv) Rumah Setingkat	RM100.00
		v) Lain-lain	RM50.00 per bilik
6.		Pusat Tahfiz	RM100.00
7.		Pusat Tuisyen (<i>Tuition Centre</i>)	RM100.00
8.		Pusat Komuniti terhad kepada Pondok Polis, Klinik Kesihatan Kerajaan, Pejabat Pos	RM100.00
9.		Atau mana-mana tujuan kegunaan yang dibenarkan oleh PBN.	RM500.00

ii) Kategori : **Perindustrian**

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIBENARKAN SELAIN SYARAT NYATA TANAH	KADAR (RM) PER LOT
1.	Perindustrian	Taman Asuhan Kanak-Kanak (<i>Kindergarden, Nursery, Child Care Center</i>)	RM200.00
2.		Rumah Penjagaan Orang Tua (<i>Elderly Care Centers</i>)	RM200.00
3.		Pusat Penjagaan Kesihatan Wanita Bersalin (<i>Maternity Care Center</i>)	RM200.00
4.		Pusat Penjagaan Orang Kurang Upaya (<i>Care Center for The Disabled</i>)	RM200.00
5.		Pusat Tahfiz	RM200.00
6.		Pusat Tuisyen (<i>Tuition Centre</i>)	RM200.00
7.		Pusat Komuniti terhad kepada Pondok Polis, Klinik Kesihatan Kerajaan, Pejabat Pos	RM200.00
8.		Atau mana-mana tujuan kegunaan yang dibenarkan oleh PBN.	RM1,000.00

3.6 Pembatalan Permit Khas

- i) Tuan punya tanah atau pihak yang sah bagi tuan punya tanah boleh memohon secara rasmi kepada PBN melalui PTD untuk membatalkan kelulusan Permit Khas yang masih berkuat kuasa;
- ii) PBN berhak membatalkan Permit Khas setelah mendapati terdapat pelanggaran atau kemungkiran ke atas syarat kelulusan yang ditetapkan;

- iii) Permit Khas akan terbatal dengan sendirinya sekiranya terdapat kelulusan permohonan meminda, atau mengubah kategori atau syarat kegunaan tanah di bawah Seksyen 124, Seksyen 124A atau 204A-H Akta 828;
- iv) Permit Khas akan terbatal dengan sendirinya sekiranya kelulusan Pelan KMTT telah tamat tempoh atau ditamatkan oleh PBT dimana ia dikeluarkan; dan
- v) Tiada sebarang pampasan atau pengembalian apa-apa butiran bayaran yang telah dibayar kepada PBN apabila kelulusan dibatalkan.

3.7 Pelanggaran Syarat Tanah

- i) Tuan punya tanah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah seksyen 127-129 Akta 828 sekiranya didapati menjalankan sebarang aktiviti selain daripada syarat Permit Khas yang ditetapkan.

4.0 PIHAK BERKUASA MELULUS

- 4.1 Kuasa melulus atau menolak permohonan Permit Khas adalah diwakilkan kuasa kepada PTD oleh PBN selaras dengan peruntukan seksyen 13 Akta 828;
- 4.2 Pentadbir Tanah perlu memastikan kelulusan atau pembatalan Permit Khas diendorskan di dalam dokumen hakmilik dan direkod di dalam Rekod Daftar Permit Khas; dan
- 4.3 Kelulusan Permit Khas yang dikeluarkan perlu dicop dan ditandatangani di atas pelan susun atur KMTT seperti format berikut :

Format Cop: Permit Khas Bangunan & Perindustrian

		NO SIRI: MT-01-PK
PERMIT KHAS BANGUNAN DAN PERINDUSTRIAN NEGERI MELAKA		
Daerah	Melaka Tengah Alor Gajah Jasin	
No. Serahan / Fail	040xxxxxxxxx	
No. Siri Kelulusan	No Siri (Buku Daftar) / 2025 (Tahun Daftar)	
Tempoh Tamat Kelulusan	<i>(Haribulan / Bulan / Tahun)</i> <i>Nota : Tempoh Tamat adalah sama dengan tempoh tamat KMTT yang dikemukakan</i>	
Perakuan dan Cop Pentadbir Tanah		

- 4.4 Permit Khas perlu dikeluarkan dalam tempoh **tiga (3) hari berkerja** setelah dokumen lengkap diterima.

5.0 TARIKH PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA

- 5.1 Pemakaian Pekeliling Pembangunan Tanah Negeri Melaka Bil.1/2025 (Garis Panduan dan Tatacara Permohonan Permit Khas Tanah bagi kategori Bangunan dan Perindustrian di Negeri Melaka) adalah berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025**. Pekeliling ini turut terpakai kepada mana-mana permohonan yang diterima dan didaftarkan untuk diangkat bagi pertimbangan sebelum tarikh kuat kuasa peraturan ini.


Pengarah Tanah dan Galian
Melaka

Tarikh : 29 Sep 2025

JADUAL VI

(Peraturan 11A (2) / 11C(2))

PERMOHONAN PERMIT KHAS MENGGUNAKAN TANAH KATEGORI BANGUNAN ATAU PERINDUSTRIAN UNTUK TUJUAN LAIN-LAIN KEGUNAAN

No.....Tahun.....Negeri Melaka, Daerah.....

diterima oleh saya pada haribulan Tahun
pada pukul Pagi / Petang.

No. Rujukan :

.....
Pentadbir Tanah

(Untuk Kegunaan Pentadbir Tanah Sahaja)

Tarikh :

Tuan,

- 1) Saya/kami ingin memohon Permit Khas untuk menggunakan sebahagian atau sepenuhnya daripada tanah saya/kami di atas hakmilik berikut No. Hakmilik.....
No.Lot.....Kawasan/Mukim.....Daerah.....
.....seluas (m.p.) meter persegi untuk kegunaan selain daripada syarat kegunaan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam kategori ***Bangunan / Perindustrian** dan syarat nyata tanah ***Untuk Bangunan Kediaman / Untuk Perindustrian Sahaja** atau bagi maksud kegunaan yang setara kepada kegunaan selain untuk tujuan berikut :

- i) Kategori Kegunaan Tanah: **Bangunan**

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIPOHON SELAIN SYARAT NYATA TANAH	SILA TANDAKAN (X)
1.	Bangunan Kediaman	Taman Asuhan Kanak-Kanak (<i>Kindergarden, Nursery, Child Care Center</i>)	
2.		Rumah Penjagaan Orang Tua (<i>Elderly Care Centers</i>)	

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIPOHON SELAIN SYARAT NYATA TANAH	SILA TANDAKAN (X)
3.		Pusat Penjagaan Kesihatan Wanita Bersalin (<i>Maternity Care Center</i>)	
4.		Pusat Penjagaan Orang Kurang Upaya (<i>Care Center for The Disabled</i>)	
5.		Rumah Inap Desa (<i>Homestay</i>)	
		i) Banglo (<i>Bungalow</i>)	
		ii) Semi D	
		iii) Rumah Teres 2 Tingkat, Kondominium atau Pangsas	
		iv) Rumah Setingkat	
		v) Lain-lain	
6.		Pusat Tahfiz	
7.		Pusat Tuisyen (<i>Tuition Centre</i>)	
8.		Pusat Komuniti terhad kepada Pondok Polis, Klinik Kesihatan Kerajaan, Pejabat Pos	
9.		Atau mana-mana tujuan kegunaan yang dibenarkan oleh PBN.	

ii) Kategori Kegunaan Tanah : **Perindustrian**

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIPOHON SELAIN SYARAT NYATA TANAH	SILA TANDAKAN (X)
1.	Perindustrian	Taman Asuhan Kanak-Kanak (<i>Kindergarden, Nursery, Child Care Center</i>)	
2.		Rumah Penjagaan Orang Tua (<i>Elderly Care Centers</i>)	

BIL.	KATEGORI / SYARAT SEDIA ADA	AKTIVITI DIPOHON SELAIN SYARAT NYATA TANAH	SILA TANDAKAN (X)
3.		Pusat Penjagaan Kesihatan Wanita Bersalin (<i>Maternity Care Center</i>)	
4.		Pusat Penjagaan Orang Kurang Upaya (<i>Care Center for The Disabled</i>)	
5.		Pusat Tahfiz	
6.		Pusat Tuisyen (<i>Tuition Centre</i>)	
7.		Pusat Komuniti terhad kepada Pondok Polis, Klinik Kesihatan Kerajaan, Pejabat Pos	
8.		Atau mana-mana tujuan kegunaan yang dibenarkan oleh PBN.	

- 2) Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berkaitan beserta salinan carian rasmi sebagai untuk tujuan tersebut rujukan tuan.
- 3) Butiran maklumat Saya/Kami beserta Nama Penuh, No. Kad Pengenalan dan Alamat seperti berikut :

Nama / Syarikat / Pertubuhan	
No. Kad Pengenalan / Daftar Syarikat / Pertubuhan	
Alamat Surat Menyurat Rasmi	
No. Telepon Rasmi / Pejabat	

.....
(tanda tangan pemohon)

*** Sila potong yang tidak berkaitan**

BUTIRAN A : HAKMILIK TANAH

Bandar/Pekan/Mukim		
No. Lot/PT		
Jenis dan No. Hakmilik		
Keluasan Tanah		
Keluasan yang dipohon (<i>Tanah Kosong Sahaja</i>)		
Kategori Tanah	Bangunan / Perindustrian	
Syarat Nyata	Untuk Bangunan Kediaman Sahaja / Untuk Perindustrian Sahaja	
Lain-Lain Syarat Nyata		
Sekatan Kepentingan		
Nama Tuan Punya Tanah (mengikut syer jika ada)	Nama Pemilik Berdaftar	Syer Berdaftar
Pihak Berkepentingan Berdaftar di dalam Hakmilik		

Tandatangan Ringkas :

BUTIRAN B : PIHAK KEDUA (DENGAN KEBENARAN)

Nama / Syarikat / Pertubuhan	
Aktiviti Perniagaan Syarikat / Pertubuhan yang didaftarkan	
Nama Pengusaha / Ahli Lembaga Pengarah	
No. Kad Pengenalan / Daftar Syarikat / Pertubuhan	
Alamat Surat Mesyurat Berdaftar / Syarikat / Pertubuhan	
Kewarganegaraan	Malaysia / Warganegara Asing
Tempoh Perjanjian Sewaan/ Pajakan	
No. Telefon yang boleh dihubungi	

BUTIRAN C : KELULUSAN PELAN KEBENARAN MERANCANG TEMPOH TERHAD (JIKA BERKAITAN)

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)				
No. Fail Kelulusan				
Tarikh Kelulusan KMTT				
Tempoh Berkuasa Kuasa dan Tamat Tempoh	Mula		Tamat	

Nota : Butiran A hingga C adalah mandatori dilengkapkan oleh pemohon.

Tandatangan Ringkas :